

## SPM Era Covid-19: Titik Perubahan Pengajian Lanjutan dan Hala Tuju Kerjaya Masa Depan



Peperiksaan SPM menjadi kemuncak pembelajaran formal bagi pelajar peringkat menengah di negara ini dan menjadi titik perubahan (turning point) untuk mereka melanjutkan pengajian di peringkat kolej atau universiti dalam bidang kerjaya masa depan. Sijil SPM khususnya memiliki standard antara bangsa dan diiktiraf untuk melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara. Dalam konteks pengambilan seseorang penjawat awam di negara ini pencapaian kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM menjadi syarat mandatori untuk seseorang boleh disahkan jawatan dalam perkhidmatan. Syarat pengambilan dalam bidang pekerjaan dan kerjaya kelulusan dan kelayakan akademik minimumnya adalah sijil SPM. Justeru itu, sangat wajar semua pihak berhempas pulas memastikan calon SPM membuat persediaan yang semantapnya bagi memastikan mereka mencapai kejayaan yang cemerlang.

Dalam konteks pendidikan jamaah pencapaian pelajar di peringkat ini menjadi kayu ukur utama sejauh mana agenda pendidikan alternatif tajaan jamaah mencapai keberhasilan setelah 12 tahun mereka melalui proses pembelajaran di Prasekolah / Taski sehingga ke peringkat menengah. Pada tahun ini calon SPM sangat mencabar kerana terpaksa mengharungi persediaan dan peperiksaan SPM dalam norma baharu dengan jolokkan sebagai generasi SPM Covid 19. Apakah bentuk impak kepada generasi ini. Mudah-mudahan mereka menjadi generasi yang lebih kuat dan cekal mengharungi sebarang cabaran lingkungan masa depan mereka, sebagai generasi yang telah teruji mengharungi ujian, (generasi terpinggir/tercicir). Se jauh mana tahap motivasi dan kesediaan serta keberhasilan pelajar kelompok ini kita tunggu hasil keputusan SPM yang akan diumumkan nanti.

Hubungan pencapaian SPM dengan tahap pendidikan tinggi dan bidang kerjaya sangat berkaitan. Pelajar yang cemerlang di peringkat ini biasanya berjaya dalam kerjaya dan kehidupan berkeluarga, sebaliknya pelajar yang gagal atau kurang menyerlah ramai yang terlunta-lunta untuk mengharungi kehidupan yang lebih harmoni. Namun dalam keghairahan mengejar kecemerlangan dalam akademik kita harus sedar misi pembangunan generasi khaira ummah tidak diabaikan dan pembangunan karekter secara holistik tidak dikesampingkan. Rangkuman kecemerlangan kedua-dua dimensi ini akan menjamin keberhasilan pelajar yang kita impikan akan menjadi kenyataan iaitu tampil generasi unggul yang memiliki kecemerlangan akademik, ketinggian sahsiah dan akhlak yang mulia. Generasi yang akan mengisi keperluan sumber tenaga manusia negara dan ummah yang berketerampilan, beridealisme tinggi, berintegriti, berbudi, ramah dan mampu hidup secara harmoni dalam keluarga dan komuniti.

Justeru itu, marilah kita bangun sederap melaksanakan islah, meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah dan kualiti pdp guru serta penglibatan ibubapa supaya keberhasilan murid seluruhnya dapat kita jelmakan. Marilah kita menitipkan doa semoga calon SPM Covid19 tahun ini menjadi generasi reset (set baru) yang bakal mendepani generasi baru lebih cekal, tabah dan tahan uji menghadapi cabaran masa depan yang semakin getir. Hikmah disebalik fenomena covid-19 juga mungkin menjadi titik tolak kepada perubahan dalam sistem penilaian dan pentaksiran pelajar daripada peringkat rendah hingga menengah yang sebelum ini lebih memberi tumpuan kepada peperiksaan sebagai cara utama menilai keupayaan dan pencapaian pelajar.

Sudah sampai masanya demensi bakat dan karekter pelajar diberikan pertimbangan yang lebih serius dengan menggunakan penilaian berterusan yang berorientasikan pertumbuhan (growth) dan memperkasakan pelaksanaan PBS supaya tampil generasi berilmu dan berfikiran aras tinggi yang lebih kreatif serta inovatif sesuai dengan perubahan dan keperluan masa depan.

Hj. Musleh Yunos

## Dari Meja Editor

Pihak Kerajaan telah melancarkan Buku Panduan Imunisasi pada 16 Februari 2021 dan proses pendaftaran sebagai penerima vaksin COVID-19 mulai bulan Mac tahun ini. Fasa pertama bermulanya program imunisasi adalah Februari hingga April 2021 untuk golongan petugas barisan hadapan yang terlibat secara langsung memerangi wabak ini. Sementara fasa kedua Mei hingga Ogos bagi kumpulan warga emas berusia 60 tahun ke atas dan golongan berisiko tinggi, manakala fasa ketiga adalah golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas dijangka bermula Mei 2021 hingga Februari 2022.

Pengarah Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), Henrietta Fore telah mengesyorkan golongan pendidik atau guru diutamakan untuk memperoleh vaksin COVID-19, selepas petugas barisan hadapan. Menurut UNICEF ketika gelombang pertama pandemik pada akhir April 2020, penutupan sekolah telah menjejaskan pembelajaran hampir 90% pelajar di seluruh dunia.

Oleh itu para pendidik wajar diutamakan mendapat suntikan vaksin COVID-19 selepas petugas hadapan. Ini bertujuan untuk memberi perlindungan kepada warga guru agar mereka dapat meneruskan sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan segera. Dengan ini guru-guru mendapat perlindungan daripada jangkitan virus dan sekali gus mereka boleh mengajar secara bersemuka apabila sekolah dibuka, sepertimana yang diamalkan selama ini sebelum arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dengan cara ini secara tidak langsung para pelajar kurang terdedah dengan ancaman jangkitan pandemik COVID-19 dan mereka dapat belajar dengan lebih selesa dan selamat.

Sepanjang penutupan sekolah, pengajaran secara dalam talian telah dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara kita. Namun pembelajaran ini mempunyai banyak kelemahan seperti peranti dan gajet yang tidak mencukupi, kelemahan jaringan internet, masalah disiplin, minat dan kehadiran pelajar yang menyebabkan sesi PdPc ini terganggu. Selain daripada itu juga keberkesannya adalah sangat minimum. Oleh yang demikian pembelajaran secara bersemuka adalah sangat penting untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang lebih sempurna.

Marilah kita berdoa kehadrat Allah SWT semoga wabak COVID-19 yang melanda negara kita sejak setahun lalu dapat berakhir dengan segera, supaya kita dapat melaksanakan aktiviti hidup dengan lebih lancar dan selamat.

**Hj. Samian Mohd Ali**

## PENDIRIAN SIKAP ABIM BERKAITAN TV PENDIDIKAN



Gesaaan ABIM untuk diwujudkan saluran khas televisyen (tv) pendidikan diterima baik oleh kementerian pada 17 Februari 2021 setelah kali terakhir pada 2009. ABIM juga mencadangkan agar diaturkan kandungan yang lebih segar bersesuaian dengan pembelajaran abad ke 21. Isu utama PdPR bagi mereka adalah yang tidak boleh mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Opsyen hanya melalui offline atau offsite melalui bimbingan murid secara remote modul bercetak. Fungsi tv pendidikan adalah sumber primer dan utama kepada golongan ini. Pelajar yang mempunyai peranti dan capaian internet boleh didapati instruksional guru di youtube atau Khan Academy, cikgootube, EduwebTV atau mana-mana siaran dalam internet yang disediakan secara percuma oleh pelbagai pihak.



Kandungan kurikulum yang diperlukan untuk murid belajar perlu disediakan manual PdPR2. ABIM juga meminta siaran di saluran TV Pendidikan perlulah dalam konteks membantu guru dan ibu bapa menguruskan PdPR secara sistematis sebagai pengganti kepada instruksional guru. Guru memerlukan sokongan bahan bantu belajar yang sistematis untuk PdPR dan secara remote. Televisyen pendidikan perlu seiring dengan Rancangan Pengajaran Tahunan cikgu. Dengan kata lain, tv pendidikan adalah tv untuk instruksional guru, bukan tv untuk didik hiburan. Namun, untuk menyelitkan satu-dua unsur hiburan adalah digalakkan.

ABIM meminta golongan yang tiada peranti dan tiada capaian internet ini perlu dibantu secara konkrit. Dalam Belanjawan 2021 jelas menyatakan kerajaan akan menyediakan peranti secara rintis kepada 150,000 murid melalui Yayasan Hasanah. Maka, ABIM menggesa agar program ini dipercepatkan agar kesan rantaian keciciran pembelajaran dapat diputuskan. Semakin lama sekolah ditutup, semakin banyak berlaku proses keciciran. Data kajian boleh dirujuk di OECD, WEF atau lain-lain kajian empirikal yang menyatakan kesan keciciran pembelajaran ini.

**Laporan : Hj. Nur Jannah Keman**

# KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP) MOD 2 SIRI 1 SECARA ATAS TALIAN

Kursus Asas Perguruan (KAP) Al-Hikmah Mod 2, Siri 1 telah berjaya diadakan pada 30 Mac 2021 sehingga 1 April 2021 secara maya dengan jayanya. Kursus KAP Al-Hikmah Mod 2 ini adalah kursus ikhtisas asas guru SERI/SEMI/TASKI dan SRI/KAFA Yayasan Takmir Pendidikan. Matlamat KAP diadakan adalah untuk:



- i. Memastikan guru ada asas yang kukuh dalam pendidikan di sekolah.
- ii. Memberi pengetahuan tentang pendidikan karakter Al-Hikmah.
- iii. Melahirkan guru yang dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab membina generasi muda Islam sebagai generasi khayra ummah.

Seramai 96 orang peserta yang menyertai KAP ini di kalangan guru-guru SERI/SEMI dan TASKI ABIM seluruh Malaysia termasuk Tuaran dan Putatan, Sabah serta Miri, Sarawak. Seramai 58 guru dari SERI yang sebahagiannya besarnya adalah 15 orang dari SERI Alor Setar, 14 orang dari SERI Al

Ummah Chemor, 10 orang dari SERI Al-Maarif, Sg. Petani, 6 orang dari SERI/SEMI Sg Ramal, 3 orang dari Maahad Taufiqiah Diniah Behrang, 4 orang dari SERI Al-Ummah Manjung, 3 orang dari Sekretariat ABIM negeri Sembilan dan beberapa wakil dari SERI yang lain. Manakala 38 orang adalah guru-guru TASKI.

Kursus KAP Al-Hikmah Mod 2 ini mengandungi 3 siri iaitu 56 jam secara maya dan bersemuka. Sembilan (9) komponen utama silibus KAP adalah Falsafah Pendidikan, Pengurusan Bilik Darjah, Pedagogi, Kurikulum, Psikologi Pendidikan, Profesionalisme Keguruan, Pentaksiran Pendidikan, Teknologi Pendidikan & ICT dan Kompetensi Pendidikan Al-Hikmah. Siri pertama secara maya hanya 16 jam dapat disampaikan selama dua hari. Siri ke-2 dijadualkan pada 8-10 Jun dan siri ke 3 pada 13-15 September 2021 atau 13-15 Disember 2021. Bagaimanapun tertakluk kepada perubahan pandemik COVID-19 untuk kelas yang memerlukan bersemuka dan dibenarkan merentas negeri.

Kursus KAP ini merangkumi juga Induksi Tatajemaah YTP bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai sejarah ABIM dan organisasi ABIM, memahami visi, misi dan polisi YTP dan membentuk fikrah amal jama'i'y dalam kalangan guru melalui kaderisasi dan keABIMan. Seramai 112 orang peserta menyertai kursus Induksi ini termasuk daripada 12 orang dari SERI Al-Huda, Gombak, YTPN dan pimpinan sekolah. Majlis perasmian disempurnakan oleh Tn Hj. Mohd. Musleh Yunos selaku Ketua Pengarah, YTP dan beliau juga sebagai pembentang/Pensyarah bertajuk " Sejarah ABIM, Visi, Misi YTP & Pusat Pendidikan ABIM, Falsafah Pendidikan dan Pembelajaran Bermakna (Pedagogi). Manakala Ust. Mohd. Naim Mohd. Noor (Pengarah Kaderisasi & Tarbiah, YTP) mengulas tajuk "Mengenali Tokoh-tokoh ABIM/WADAH dan Global", Tn. Hj. Samian Mohd Ali (Pengarah Pengurusan & Kewangan) mengisi slot Polisi dan Tatakkerja dan Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil (Timb. Ketua Pengarah, YTP) mengisi slot "Memugar Jiwa Pendidik" dan Etika Guru Unggul".



Tn. Hj. Mohamad b Abu Daud (Pengarah Akademik & R/D, YTP) mengisi slot " Pengurusan Bilik Dajah, Pedagogi, PdPc Abad Ke-21 dan DSKP untuk SERI/SEMI. Manakala Tn. Hj. Ishak b. Ali Shah (Pengarah TASKI) menerangkan KSPK untuk guru-guru TASKI seramai 100 orang peserta. Slot ini terbuka kepada guru-guru TASKI seluruh Malaysia. Sepanjang kursus tiga hari ini dikendalikan oleh Bahagian Latihan & Modal Insan, YTP yang diketuai oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan, YTP) merangkap Pengarah Program dan Pengerusi Majlis. Sdr. Khairul Anuar Ariffin dan Sdr. Mohd. Fitri Amir kru bertugas untuk tempoh tersebut. Para peserta berkursus berada di sekolah dan menggunakan skrin putih serta dikawal selia oleh pemantau yang dilantik oleh Pengetua/Guru

Besar masing-masing. Kursus KAP ini mendapat sambutan yang baik oleh sekolah dan hasil penilaian kursus yang disi melalui borang google form mendapati peserta sangat positif dan memuaskan hati mereka.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

## BENKEL PENGGUBALAN KURIKULUM AL-HIKMAH SIRAH



Bengkel Pemurniaan draf Kurikulum Sirah Al-Hikmah Tahun 2 hingga Tahun 6 telah diadakan pada 18 Februari 2021 di Yayasan Takmir Pendidikan. Beberapa guru Sirah dari SERI dan Kafa ABIM telah menyemak dan memurni draf awal yang telah disediakan oleh pihak YTP (Pn. HJh. Rohana, Ust Mohd. Naim dan Pn Hjh. Nur Jannah). Beberapa pertemuan akan diadakan dari semasa ke semasa sebelum disemak oleh pakar kurikulum dari pihak KPM. Buku teks dan latihan Tahun 3,4,5 telah di gunakan lebih awal untuk penyelarasan SPRA. Namun buku teks Tahun 2 dan Tahun 6 masih di dalam proses untuk memasukkan elemen al-Hikmah. Format baru SPRA akan dilaksanakan pada tahun 2021. Selepas selesai membina kurikulum Al-Hikmah Sirah, subjek lain seperti Pendidikan Teras Islam, Tafsir, Hadith, Bahasa Arab dan Al-Quran akan menyusul. Melalui kerjasama jitu oleh semua yang terlibat, Insya Allah boleh menghasilkan kurikulum dini al-Hikmah SERI/KAFA ABIM.

*Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman*

## KURSUS PEMBELAJARAN BERMAKNA DAN BERHIKMAH SERTA PEMANTAPAN PdP BERKUALITI



Pada 12 Januari 2021, YTP telah mengadakan Kursus Pembelajaran Bermakna dan Berhikmah dan Pemantapan PdP Berkualiti di SERI Al Ummah, Chemor. Kursus telah disampaikan oleh Haji Mohamad Abu Daud (Pengaroh R&D dan Akademik). Seramai 89 orang guru turut serta dalam kursus ini yang berlangsung selama sehari.

Objektif kursus adalah untuk membina kemahiran dan tahap pemikiran sendiri guru serta menerapkan elemen pembelajaran bermakna dalam pdpc. Semua panitia yang terlibat membentangkan hasil kerja masing-masing. Di akhir kursus, sebahagian besar guru berjaya menerapkan elemen pembelajaran bermakna dalam model pengajaran yang dibengkelkan.

*Laporan : Hj. Mohamad Abu Daud*

## BENKEL POLISI LATIHAN & MODAL INSAN



Bengkel Polisi Latihan & Modal Insan telah diadakan pada 2 Mac 2021 di Yayasan Takmir Pendidikan. Ahli bengkel adalah Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos, Pn. Hjh Nur Jannah Keman, Tn. Hj. Mohamad Abu Daud, Tn. Hj Ishak b Ali Shah dan En. Mohd. Yusman b Mohd. Yusoff. Bengkel ke dua akan diadakan pada 9 Mac 2021 dan sesi seterusnya untuk melengkapkan polisi Yayasan Takmir Pendidikan. Polisi Peperiksaan dan Sekolah juga akan menyusul.

*Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman*

## SISTEM PENGURUSAN TADIKA (SMAP)


Taklimat mengenai sistem pengurusan TADIKA khas untuk TASKI telah diadakan dengan kerjasama daripada pihak SMAP Pada 26 Januari 2021. Ia bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan TASKI yang lebih sistematik dan dapat membantu penyelia dalam menguruskan TASKI masing-masing dengan lebih efektif. Sistem ini telah diguna pakai oleh kebanyakan tadika di negara ini. Adalah diharapkan agar semua TASKI dapat menggunakan sistem SMAP ini.

Antara kelebihan sistem ini adalah:

1. Mudah dan Mesra : Terbukti mudah digunakan. Kebanyakan pengguna dapat menggunakan sistem ini tanpa perlukan latihan. Sokongan teknikal online dan latihan tetap diberikan.
2. Jimat Kos dan Masa : Pengguna tidak perlu bersusah payah untuk mencetak resit satu per satu, hanya hantar terus resit kepada ibu bapa melalui Whatsapp, email atau SMS.
3. Tingkatkan imej : Dapat menunjukkan yang TASKI mempunyai sistem yang cekap dan dapatkan kepercayaan daripada ibu bapa serta pelajar yang TASKI ialah sebuah organisasi yang efektif.

Antara modul yang terdapat dalam sistem ini adalah:

1. Rekod pelajar dan ibubapa
2. Maklumat bildan kutipan
3. Pembayaran online
4. SMS/email broadcast
5. Integrasi WhatsApp
6. Pendaftaran online
7. Pengurusan cuti
8. Rekod perbelanjaan
9. Laporan
10. E-Invois
11. E-Resit
12. Pengurusan Gaji
13. Auto reminder



Kepada TASKI yang beminat untuk mengetahui lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Yayasan Takmir Taski.

Laporan : Khairani Thanin

## ENROLMEN TASKI MALAYSIA Sehingga Februari 2021

| BIL.          | NEGERI              | BIL. TASKI | BIL. KELAS | JUMLAH GURU |            | PEMBANTU GURU |             | BILANGAN MURID |            |             |             |             |             | JUMLAH KESELURUHAN MURID |
|---------------|---------------------|------------|------------|-------------|------------|---------------|-------------|----------------|------------|-------------|-------------|-------------|-------------|--------------------------|
|               |                     |            |            | L           | P          | L             | P           | 4 TAHUN        |            | 5 TAHUN     |             | 6 TAHUN     |             |                          |
|               |                     |            |            |             |            |               |             | L              | P          | L           | P           | L           | P           |                          |
| 1             | JOHOR               | 15         | 35         | 0           | 40         | 0             | 6           | 60             | 65         | 158         | 134         | 108         | 98          | 623                      |
| 2             | MELAKA              | 2          | 2          | 0           | 5          | 0             | 0           | 2              | 1          | 7           | 6           | 4           | 1           | 21                       |
| 3             | NEGERI SEMBILAN     | 8          | 19         | 0           | 15         | 0             | 0           | 14             | 12         | 28          | 20          | 17          | 21          | 112                      |
| 4             | SELANGOR            | 46         | 154        | 0           | 165        | 0             | 32          | 122            | 120        | 518         | 491         | 471         | 430         | 2152                     |
| 5             | WILAYAH PERSEKUTUAN | 5          | 15         | 0           | 19         | 0             | 2           | 17             | 9          | 84          | 82          | 79          | 68          | 339                      |
| 6             | PERAK               | 32         | 58         | 0           | 76         | 0             | 13          | 93             | 87         | 225         | 216         | 190         | 178         | 989                      |
| 7             | PULAU PINANG        | 11         | 18         | 0           | 21         | 0             | 2           | 24             | 25         | 56          | 62          | 63          | 75          | 305                      |
| 8             | KEDAH               | 15         | 25         | 0           | 31         | 0             | 6           | 30             | 35         | 76          | 71          | 87          | 65          | 364                      |
| 9             | PAHANG              | 5          | 7          | 0           | 9          | 0             | 3           | 12             | 9          | 25          | 13          | 13          | 8           | 80                       |
| 10            | TERENGGANU          | 4          | 15         | 0           | 18         | 0             | 2           | 15             | 20         | 30          | 28          | 31          | 26          | 150                      |
| 11            | KELANTAN            | 12         | 38         | 0           | 41         | 0             | 2           | 43             | 34         | 125         | 110         | 120         | 75          | 507                      |
| 12            | SABAH               | 16         | 40         | 0           | 42         | 0             | 5           | 66             | 64         | 146         | 113         | 125         | 125         | 639                      |
| 13            | SARAWAK             | 19         | 73         | 0           | 76         | 0             | 11          | 11             | 20         | 135         | 132         | 247         | 251         | 796                      |
| <b>JUMLAH</b> |                     | <b>190</b> | <b>499</b> | <b>0</b>    | <b>558</b> | <b>0</b>      | <b>84</b>   | <b>509</b>     | <b>501</b> | <b>1613</b> | <b>1478</b> | <b>1555</b> | <b>1421</b> | <b>7077</b>              |
|               |                     |            |            | <b>558</b>  | <b>84</b>  | <b>1010</b>   | <b>3091</b> | <b>2976</b>    |            |             |             |             |             |                          |

# TADABBUR ALAM



Bila ditanya pernah makan siput belitung? Ramai jawab tidak pernah. Tapi bila ditanya pernah makan masak lemak siput sedut umum menjawab pernah. Sebenarnya kedua-duanya sama. Mari kita jelajah habitat kehidupannya. Habitat siput ini adalah di hutan bakau. Mencari makan di atas tanah lembab ketika air surut. Siput ini akan bergegas naik ke pokok apabila air laut mula pasang. Siapa yang bagi tahu? Tidak siapa boleh jawab. Tetapi dalam komuniti Melayu yang tinggal dipinggir pantai sering mengaitkannya dengan bunyi helang laut sebagai pemanggil siput supaya segera naik ke pokok. Oleh itu timbulnya spesies yang dipanggil Helang Siput. Kebetulan helang ini akan berbunyi setiap kali apabila air nak pasang samaada siang atau malam.

Siput ini memiliki deria yang sangat sensitif, dengan kudrat Allah ia tahu bila masa untuk mula merayap naik ke pokok. Bila air surut ia tidak perlu merayap menuruni pokok tetapi cukup dengan mengeluarkan enzim dimulutnya maka ia menjatuhkan diri tanpa cedera kerana cengkerangnya keras.

Ibrahnya; siput ini sangat yakin dengan rezeki Allah, setiap kali air pasang ia membawa bersama rezeki yang kemudiannya terdampar apabila air sudah surut. Apabila air menjelang pasang semula surut ia harus redha rezekinya untuk waktu tersebut sekadar itu sahaja kerana siput mesti memanjat pokok untuk ia terus hidup. Maknanya siput ini tidak boleh bergerak terlalu jauh dari pokok dibimbangi tidak sempat merayap naik apabila air sudah pasang. Hebat siput belitung ini, hebat berusaha dan tawakalnya tinggi untuk survival kehidupan.

*Hj. Musleh Yunos*



## MUTIARA HIKMAH

***“Adab dan Akhlak Adalah Ibarat Pokok dan Kemasyhuran Adalah Seperti Bayang-bayang. Tetapi Malangnya, Kebiasaan Orang Lebih Melihat Bayang-bayang Daripada Pokoknya.”***

# PERISTIWA



1



2



3



4

1. Ketua Pengarah YTP Menuai Nenas Sempena Pemantauan Sop Masuk Sekolah di Maahad Al-Ummah, Chemor.
2. Kunjungan Pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan ke SRI Seremban Pada 4 Mac 2021.
3. Mesyuarat Agung Tahunan BAKA SERI & SEMI Sg. Ramal kali ke-29 pada 13 Mac 2021.
4. SERI/SEMI Johor Bahru dijangka akan berpindah ke lokasi baru iaitu di bangunan Pekan Rabu Johor Bahru.
5. Pemantauan Pembukaan Awal Sekolah Oleh KP Dan Pengarah Latihan Ke SERI Sg Ramal & Taski Al Hikmah Pada 1 Mac 2021.
6. Kem Amali Solat & Wuduk Tahun 1 di SERI Al Ummah Taiping.



5



6

# AKTIVITI TASKI



**BICARA BUKU TASKI**  
PANDUAN PENGGUNAAN BUKU AKTIVITI  
**Pendidikan Islam**

**PANEL : UST. MOHD NAIM BIN MOHD NOOR**  
PENGARAH KADERISASI YTP

**TARIKH : 12 JANUARI 2021 (SELASA)**  
**MASA : 10.00 PAGI – 11.00 PAGI**

Google Meet Yayasan Takmir Pendidikan

Pada 12 Januari 2021 satu program Panduan Penggunaan Buku Latihan Aktiviti TASKI bagi subjek Pendidikan Islam telah diadakan. Program panduan ini telah dituntaskan oleh Ustaz Haji Naim bin Mohd Noor dengan memberi penerangan penggunaan buku ini dalam konsep Al-Hikmah.

**BUKU REKOD  
PENTAKSIRAN  
MURID TASKI**

Nama :   
Umur :   
TASKI :

Pada 18 Januari 2021 satu penerangan mengenai penggunaan buku Rekod Pentaksiran Murid telah diadakan. Buku ini diberi nafas baru apabila diubah suai kulit muka depan dan sedikit isi kandungan. Pengarah TASKI, Haji Ishak Ali Shah telah menerangkan dengan terperinci tentang cara penggunaan buku ini.

Kursus Professionalisme Keguruan TASKI telah diadakan pada 19 Januari 2021. Penceramah jemputan iaitu Cikgu Shamizan Shafea dari Pra Sekolah SK Kampung Banting dan Cikgu Mardhiyah dari Pra Sekolah SK Sijangkang. Penceramah berkongsi mengenai 'Cabaran PdP ketika Covid-19. Seramai 90 orang guru TASKI menyertainya secara atas talian. Penceramah juga telah berkongsi Bahan Bantu Mengajar (BBM) dengan harapan semua guru TASKI dapat menggunakan dengan sebaiknya.

Laporan : Norhasikin Ismail

**BICARA TASKI**

**BEDAH BUKU :**  
KOMPETENSI AL – HIKMAH :  
PENDIDIKAN KARAKTER  
BERASASKAN NILAI  
(TASKI)

**SABTU 30 JANUARI 2021**  
**10.00 – 11.30 PAGI**

**BERSAMA :**  
**PUAN ROHANA BT KAMARUDDIN**

Program Bedah Buku Kompetensi Al-Hikmah : Pendidikan Karakter Berasaskan Nilai TASKI telah diadakan pada 30 Januari 2021 dengan menjemput penulis buku Pendidikan Kompetensi Al Hikmah, Puan Rohana binti Kamaruddin. Penulis buku mengambil masa selama 2 jam setengah mentuntaskan buku tersebut daripada awal hingga ke penghujung. Seramai 75 orang guru TASKI yang turut sama mengikut program ini. Semoga program bedah buku ini dapat memberi penerangan dalam membantu guru TASKI mengaplikasikannya di TASKI masing-masing. Bedah buku ini dilaksanakan secara atas talian.

**KURSUS PROFESSIONALISME  
KEGURUAN TASKI 2021**

**CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) ERA COVID -19 DI TADIKA**

**Cikgu Shamizan Shafea**  
Guru Pra Sekolah  
SK Kampung Banting

**Cikgu Izyan Mardhiyah**  
Guru Pra Sekolah  
SK Sijangkang

**19 JANUARI 2021 (SELASA) ,10.00PAGI– 1.15TENGAHARI**  
APLIKASI GOOGLE MEET YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN



# Pelaksanaan Tarbiah KeABIMan Tahun 2021

Tarbiah keABIMan sudah bergerak dan diterapkan sejak awal penubuhan penubuhan ABIM lagi pada awal tahun 70an, Cuma ia tidak dilaksanakan secara formal, kerana Tabiah KeABIMan ini bergerak bersama ahli-ahlinya di seluruh pelusuk negara, malah diperingkat Antarabangsa seperti di UK, Mesir, Jordan, Indonesia, Australia dan lain-lain tempat, dan yang masih aktif bergerak sehingga hari ini adalah di Mesir secara organisasi berdaftar.

Usrah, Tamrin dan Muktamar yang menjadi nadi Tarbiah KeABIMan juga sudah dijadikan agenda mingguan, bulanan dan tahunan di dalam institusi-institusi Pendidikan ABIM di seluruh negara, namun ia bergantung rapat dengan keaktifan para ahlinya di tempat-tempat tersebut.

Buku-buku dan artikel panduan pelaksanaan Tarbiah KeABIMan ini telah ditulis sejak awal 70an lagi oleh Ust. Razali Nawawi dan pada dekad 80an dan 90an ditulis oleh Ust. Abd. Halim Muhammad, Ust. Ghani Shamsuddin, Ust. Abd. Wahab Zakaria, Ust. Romaizuddin Ghazali, Dr. Farid Shahrin dan lain-lain.

Jadi pendekatan Tarbiah KeABIMan yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 ini bukanlah pendekatan yang baru, ia diubahsuai dari bahan-bahan yang sedia ada agar selari dengan keperluan sekolah, dan khusus untuk pelaksanaan di sekolah dan institusi-institusi yang selevel dengan sekolah sahaja.

Dan Alhamdulillah pada Disember 2020, telah terbit buku Tarbiah KeABIMan dan Usrah Pelajar yang diusahakan oleh team Puan Rohana Kamaruddin dan Haji Abd. Rahman Yassin, ribuan terima kasih kita ucapkan kepada team mereka yang bergerak sejak 2018 lagi sehingga terbitnya buku panduan ini.

Jadi sejak mesyuarat MPK ke 6, 05 Okt 2020 lagi pihak YTP telah membentangkan tentang penerbitan buku Tarbiah KeABIMan/Usrah Murid serta pelaksanaannya di sekolah pada tahun 2021, sehubungan itu mesyuarat ketika itu bersetuju meminta kepada semua sekolah agar memperuntukkan 1 jam pdp dalam seminggu untuk pelaksanaan program tersebut.

Di atas persetujuan tersebut pihak YTP sentiasa mengemaskini maklumat berkaitan pelaksanaan Tarbiah KeABIMan di dalam grup whatsapp MPYTP agar pelaksanaannya dapat dimulai sedikit demi sedikit, kemudian video guideline disediakan untuk memudahkan semua sekolah mendapat maklumat yang seragam.

Walaupun bagaimanapun pihak YTP sedia berkunjung ke sekolah jika ada keperluan penerangan dibuat secara bersemuka seperti turun ke SEMESTI Alor Setar pada 7 Jan 2021, dan melakukan penerangan secara online dengan Seremban pada 22 Jan 2021.

Sebagai makluman asas kepada warga sekolah, pembentukan team pelaksanaan Tarbiah KeABIMan ini amat penting bagi menggerakkan program ini secara bersama, tidak terletak di bahu seseorang sahaja, dengan itu pihak YTP meminta agar perlantikan dibuat dan hairakinya seperti berikut :

Penaung : Pengerusi dan JK LPS.

Penasihat : Ketua Eksekutif, Pengetua dan Guru Besar.

Ketua Murabbi : Guru GPK Shaksiah.

Murabbi : Guru-guru pembimbing di setiap kelas. 1 kelas jika ada 20 murid, dibentuk 4 unit usrah ( 5 ahli setiap unit, pemilihan anggota setiap unit hendaklah seimbang).

Unit Usrah : terdiri dari Naqib, Setiausaha, Bendahari dan Ahli.

*Ustaz Mohd Naim Mohd Noor*



## MUTIARA HIKMAH

“Didiklah anak-anakmu itu berlainan dengan keadaan kamu sekarang kerana mereka telah dijadikan Tuhan untuk zaman yang bukan zaman engkau.”

(Saidina Umar Al-Khattab)

### Sidang Redaksi

#### *Penasihat*

Hj. Mohd Musleh Yunos

#### *Ketua Editor*

Hj. Samian Mohd Ali

#### *Timb. Editor*

Hj. Mohamad Khailani Jalil

#### *Editor Kerja*

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Fitri Amir Shoodi

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Norhasikin Ismail

#### *Susunatur Grafik*

Khairul Anuar M. Ariffin

#### *Penerbit*

Yayasan Takmir Pendidikan  
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,  
43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788



## Ustaz Mustaffa Bin Mat Daud



Dilahirkan di Kampung Titian Lunas, Pantai Melawi, Bachok, Kelantan pada 04.01.1957, mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Badak, Bachok, Kelantan. Kemudian ke Sek Men Ugama (Arab) Nipah, Bachok, Kelantan sehingga mendapat Sijil Rendah Pelajaran (SRP@ PMR), kemudian diterima masuk ke Maahad Muhammadi, Kota Bharu sehingga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Ugama (STU) dan seterusnya mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Madinah Arab Saudi mulai 1978, mendapat B.A (Hons) pada tahun 1983.

Sekembalinya ke tanah air, mulai tahun 1983-1985 bertugas sebagai pensyarah di Pusat Bahasa Arab, Pusat Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kelantan. Seterusnya pada tahun 1986 mengambil Sijil Perguruan Selepas Ijazah di Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Pada tahun 1987-1994 bertugas sebagai guru Bahasa Arab di SMKA Faliahah Pasir Pekan, Kelantan. Dan seterusnya mulai tahun 1994 bertugas sebagai pensyarah di beberapa Institut Pendidikan Guru (IPG) @ dulu dikenali sebagai Maktab Perguruan sehingga berpencen.

Banyak sumbangan yang beliau dapat persembahkan kepada jabatan semasa bertugas di IPG antaranya ialah membina Pusat Latihan Kaedah Pengajaran Qiraat dan Tarannum Al-Qur'an di Maktab Perguruan Kuala Terengganu 1996, Membina Modul Bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM)/ Kursus Dalam Cuti (KDC) di Kuala Terengganu 12-16 Ogos 2001, Pemurniaan Modul Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan KDPM SM Mod LPBS di Selangor pada 21-26 April 2003, Penggubalan Modul Pembelajaran KPLI SM Mod LPBS di Kuala Lumpur pada 2-6 Ogos 2004, Penceramah Self Esteem dan Pembetulan Pasukan Maktab Perguruan Kota Bharu Kelantan pada 27 Mei 2006, Ketua Hakim Tafsir Al-Qur'an Majlis Tilawah antara IPG Malaysia di Institut Perguruan Perlis pada 7-10 September 2007, Ketua Hakim Syarahan Maal Hijrah antara IPG peringkat Kebangsaan di Institut Perguruan Kuala Terengganu pada 3-5 Februari 2008, Ketua Hakim Syarahan Maal Hijrah antara IPG Peringkat Kebangsaan di Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) pada 23-27 Mac 2009 dan Ketua Hakim Tafsir Al-Qur'an Majlis Tilawah Tafsir dan Hafazan Al-Qur'an antara IPG Malaysia di IPG Kampus Islam Bangi pada 5-8 Oktober 2009.

Beliau aktif dalam memberi sumbangan kepada masyarakat antaranya ialah sebagai penceramah Biro Tata Negara, penceramah Radio Malaysia Kelantan tahun 2000-sehingga kini, Ahli Panel Radio Malaysia Kelantan, pengkuliah Program Takmir di bawah kelolaan JAKIM di masjid-masjid daerah Bachok Kelantan, penceramah Agama jemputan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Kelantan serta penceramah jemputan Hari-hari Kebesaran Islam seluruh Kelantan.

Beliau telah berminat dengan jamaah semenjak di Universiti Madinah, iaitu sekitar tahun 1979 telah mengisi borang keahlian menjadi ahli ABIM. Dalam Jamaah, beliau diamanahkan sebagai Yang DiPertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Daerah Bachok (1983), Yang DiPertua ABIM Negeri Kelantan (2000-2007), Pengerusi Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Negeri Kelantan (2011 sehingga kini).

*Laporan : Suhaili Hussin*



# BUKU PENDIDIKAN KOMPETENSI AL-HIKMAH – PENDIDIKAN KARAKTER BERASASKAN NILAI

Oleh : Pn. Rohana Kamaruddin

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan hanya kepada Allah SWT, di atas limpah karuniaNYA dan nikmatNYA, serta salawat dan salam diucapkan kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat Baginda. Penghargaan kepada yang berbahagia Dato` Dr. Siddiq Fadzil yang mengutarakan Gagasan Pendidikan Al-Hikmah: Falsafah Pendidikan Al-Hikmah (2014) dan Nilai Al-Hikmah (Surah Luqman: 12-19) yang mana menjadi landasan awal bagi pembinaan bagi pendidikan karakter kompetensi Al-Hikmah. Penghargaan juga diberi kepada semua pemikiran awal khususnya dalam kelangsungan Pendidikan Bersepadu Paradigma Tauhid dan kepada Yayasan Takmir Pendidikan dan Pusat Pendidikan YTP yang telah menyumbang dan memudahkan jalan bagi penerusan usaha ini, dengan izin Allah.

Buku Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah merupakan satu teks yang serba komprehensif dalam mengupas pendidikan karakter berasaskan nilai dan ia adalah pelengkap kepada Buku Panduan Pelaksanaan Al-Hikmah (2018). Sembilan kompetensi karakter dijadikan fokus kemenjadian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Buku ini juga mengutarakan MODEL Kompetensi Al-Hikmah dan MODUL intervensi kompetensi Al-Hikmah ke atas kurikulum sedia ada bagi membawa pengajaran dan pembelajaran kepada kompetensi karakter yang dikehendaki. Modul yang diutarakan boleh digunapakai untuk subjek akademik dan juga subjek diniyah dan relevan untuk SEMI, SERI, SRI KAFA dan TASKI ABIM. Secara tuntasnya ia adalah usaha dalam menterjemahkan Falsafah Pendidikan Al-Hikmah ke dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Matlamat akhir Falsafah Pendidikan Al-Hikmah adalah terbinanya insan mukmin yang berilmu, berhikmah, berketrampilan, beriltizam dengan nilai kesalihan dan insan yang bertanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah Allah dengan terbentuknya peribadi rabbani yang terpadu dan seimbang. Proses pembinaan insan secara menyeluruh dan seimbang meliputi segala dimensi keinsanannya termasuk kemampuan berfikir (rasional, kritis dan kreatif), kelembutan hati, kehalusan jiwa dan kepekaan rasa dengan melengkapi segala dimensi kefahaman, keyakinan, amal, penghayatan dan pengalaman cita rasanya. Untuk mencapai matlamat tersebut, pendidikan harus meliputi pembaharuan iman (tajdid al-iman) yang berterusan dan harus selama-lamanya terungkuai dengan hikmah. Hikmah memberi makna kepada ilmu dengan menghubungkaitkan ilmu kepada kerelevanan, aplikasi dan tujuan dalam konteks amal salih. Ilmu adalah beserta hikmah yang menatijahkan penguasaan kepada Allah dalam pembinaan karakter ulul albab iaitu orang yang berakal yang memiliki ketajaman perenungan dan kefahaman yang mendalam. Oleh itu dalam kompetensi pengajaran dan pembelajaran, ia perlu mengarah kepada kemahiran berfikir aras tinggi, kritis dan kreatif, pemikiran strategik dan inovatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan beserta daya renung mendalam dan kemahiran penakulan dalam membawa matlamat ilmu kepada penguasaan kepada Allah. Pengajaran dan pembelajaran dalam kesepaduan fikr dan zikr, ilmu dan amal dapat membawa kepada ilmu yang bermanfaat dalam konsep beramal salih dan melahirkan karakter bagi orang yang bersyukur dan taat kepada Allah dan berperanan sebagai khalifah Allah. Pembudayaan ilmu adalah kepada membentuk persepsi segala sesuatu dengan persepsi Qur`ani dan menyingkapnya semua dengan sikap dan akhlak Qur`ani.

Bagi mencapai matlamat ini, sembilan kompetensi Al-Hikmah diutarakan sebagai fokus, iaitu Ilmu dan Kemahiran, Budaya al-Quran, Kepimpinan, Adab & Bakti, Iltizam dan Istiqamah, Lestari, Budi, Harakiy dan Ummatik. Kompetensi Al-Hikmah merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, nilai, trait dan ciri-ciri yang perlu bagi memastikan kemenjadian karakter tercapai. Pendidikan karakter ini berteraskan nilai Al-Hikmah yang merupakan nilai tauhidik daripada Surah Luqman (12-19).

Keseluruhan premis adalah di dalam kerangka paradigma Tauhid. Dalam konsep tauhidik, ilmu bersifat holistik, komprehensif dan bersepadu dan adanya kesatuan ilmu. Konsep kesepaduan ilmu ini merupakan wasilah dan pendekatan dalam merangka pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Konsep kesepaduan yang diutarakan merangkumi kesepaduan naqli dan aqli, kesepaduan ilmu dan amal, kesepaduan nilai Al-Hikmah dengan ilmu dan kemahiran, dan kesepaduan di antara disiplin ilmu khususnya ilmu akademik dan diniyah selain daripada konsep kesepaduan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (FPK 1996). Kompetensi Al-Hikmah tidak lagi melihat kurikulum akademik dan diniyah secara terasing. Kedua-duanya disepadukan dengan matlamat membentuk karakter dan keduanya dibawa kepada ilmu yang boleh membawa kepada kebaktian kepada ummah dalam misi rahmatan lil-`alamin.

Buku ini mengangkat isu permasalahan dikotomi dalam pendidikan dengan memberikan satu penyelesaian praktikal dalam amalan pengajaran-pembelajaran guru dengan memberi fokus kepada pembinaan kompetensi karakter Al-Hikmah. Isu kesediaan sekolah dan keupayaan penggerak khususnya guru-guru, merintis usaha ke arah perlunya penambahbaikan di dalam aspek pentarbiyahan dan latihan ikhtisas barisan kepimpinan dan guru. Buku Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah diharapkan dapat memberi suntikan pemikiran dan idea, cadangan penambahbaikan, cadangan pembengkakan dan latihan guru sebagai tindakan susulan, inshaAllah.

**Rohana Kamaruddin**

# Mengenali Sekolah

## MADRASAH AL-HIKMAH, CHEMOR PERAK



Tanggal 02 Januari 2014 merupakan detik bersejarah apabila Madrasah Al Hikmah, sebuah sekolah menengah agama harian mula beroperasi di Ulu Chepor. Sejumlah 30 orang murid terawal pada tahun itu, Madrasah Al Hikmah yang kini dibawah teraju Tuan Hj. Mohd Nasir Kamaruddin sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Ustaz Muhammad Ukasyah Azhari sebagai pengetua menampung hampir 120 murid bagi mengikuti pembelajaran secara bersepadu iaitu jalinan di antara pengajian akademik dan agama. Ringkasnya, cetusan idea penubuhan Madrasah Al Hikmah ini hadir melalui Jemaah Pengurusan SERI Al Ummah, Chemor lalu didukung oleh Wadah Pencerdasan Ummah (WADAH) Negeri Perak dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Perak demi memenuhi permintaan masyarakat setempat yang ingin menempatkan anak-anak mereka di sekolah agama tanpa asrama.



Walaupun operasi sekolah masih dalam fasa penempatan sementara, bermula di SERI Al Ummah, Chemor (2014-2015), asrama putera Maahad Al Ummah (2016-2018) dan sewa rumah kedai di Taman Meru Perdana 2 (2018-kini), namun ia bukan penghalang kepada sekolah untuk terus berkembang demi kelangsungan pendidikan kepada generasi muda. Tambahan pula, sokongan padu daripada ibu bapa merupakan antara elemen pengukuh yang melancarkan perjalanan sekolah tahun demi tahun sehinggalah Madrasah Al Hikmah bakal

melengkapkan sepuluh tahun penubuhannya pada tahun 2023. Malah, melalui naungan Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) Negeri Perak dan Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK), Madrasah Al Hikmah mampu bergerak seiring dengan perkembangan pendidikan semasa.

Selain itu, berbekalkan kekuatan seramai 15 orang dan 3 orang staf sokongan, Madrasah Al Hikmah sudah melahirkan tiga generasi berjumlah 69 orang murid yang menduduki SPM (2018-2020). Selain daripada pembelajaran akademik, murid-murid Madrasah Al Hikmah tidak melepaskan peluang melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum sama ada di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri. Selanjutnya, demi melahirkan generasi penerus perjuangan dakwah gerakan Islam, Madrasah Al Hikmah turut melaksanakan kurikulum tarbiyah ABIM bagi mencapai hasrat tersebut. Berbekalkan al-Qur'an sebagai asas pendidikan, diharapkan suatu hari nanti, Madrasah Al Hikmah mampu melahirkan generasi baharu yang akan menyebarkan rahmat ke seluruh alam.

*Laporan : Suhaili Hussin*